

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

## **Bongkar Rukun Agama**

Durasi: 1:30:46

### **Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:18 - 1:59)**

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Terima kasih diucapkan kepada penonton setia Perbincangan Rakyat Demi Melayu. Pada malam ini kita akan menyambung perbincangan kita dalam membongkar perkara-perkara yang terselindung dan malam ini kita akan membongkar Rukun Agama. Kita mempunyai 3 orang panel, tetapi pada pusingan awal ini kita hanya akan bersama dengan 2 orang panel. Panel yang pertama ialah Ustaz Engku Ahmad Fadzil, Dr Abdullaah Jalil. Demi Maliau mengucapkan selamat datang kepada para panel. Assalamualaikum.

### **Para panel = (2:00 - 2:03)**

Waalaikumussalam w.b.t.

### **Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (2:03 - 3:01)**

Baik, jadi tanpa membuang masa kita hendak bertanya terus kepada Ustaz Engku. Tajuk kita pada hari ini ialah Bongkar Rukun Agama. Apabila bercakap tentang rukun agama, tidak ramai orang kita terutamanya orang Islam di Malaysia ini yang boleh menjawabnya secara langsung kerana mereka hanya tahu rukun iman dan rukun Islam. Perkara ini boleh dikatakan dialami oleh majoriti kerana tidak begitu ditekankan pada hemat saya. Jadi, apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan rukun agama dan apakah sebenarnya peranan guru dalam rukun agama. Adakah terdapat dalil dan hukum ke atas setiap Muslim dalam memahami rukun agama ini kerana orang sekarang banyak bergantung kepada dalil. Jadi kita berikan jika ada. Silakan Ustaz Engku.

### **Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (3:05 – 22:06)**

Assalamualaikum w.b.t. (Bacaan doa). Alhamdulillah. Muslimin muslimat yang saya hormati khususnya juga kepada saudara moderator, Tuan Lokman Hakiem dan rakan ahli panel yang saya hormati, al-Fadhil Ustaz Dr Abdullah Jalil. Pada malam ini, saya hadir pada program forum pada hari ini yang diberikan tajuk Bongkar Rukun Agama secara last minute untuk menggantikan Maulana Tahir yang keuzuran untuk bersama dengan kita pada malam ini. Benar,

barangkali jika ditanya kepada masyarakat awam, apakah rukun agama, mungkin sebahagian tertanya-tanya kerana tidak biasa. Yang biasa mereka dengar ialah rukun iman, rukun Islam, rukun solat dan sebagainya. Tetapi rukun agama, mungkin sebahagian tertanya-tanya. Rukun dari segi bahasa merujuk kepada bahagian yang paling kuat pada sesuatu binaan. Misalnya dalam pembinaan bangunan, kita boleh merujuk kepada piling, tiang-tiang dan sebagainya. Jika satu, rukun, jika banyak menjadi arkan. Tetapi dalam Bahasa Melayu, kita panggil sebagai rukun dan rukun-rukun. Jadi, rukun agama ini kita dapati daripada hadis yang sahih dan masyhur dalam kalamangan umat Islam yang dikenali sebagai hadis Jibril. Mengapa dikenali sebagai hadis Jibril? Kerana dalam hadis tersebut, diriwayatkan bahawa Jibril a.s datang dalam bentuk rupa manusia. Jika saya boleh bacakan hadis tersebut dengan memberikan maknanya. Daripada Sayyidina Umar bin al-Khattab r.a, beliau berkata, "Ketika mana kami sedang duduk di sisi Rasulullah SAW pada suatu hari, ketika mana datang kepada kami seorang lelaki yang sangat putih pakaiannya dan sangat hitam rambutnya." Yang menghairankan ialah tidak ada padanya itu kesan-kesan bahawa dia itu orang musafir. Tidak ada tanda-tanda bahawa dia datang dari jauh. Tetapi dalam masa yang sama, seorang pun tidak mengenalinya. Jika zaman dahulu biasanya, dalam kampung kecil, kita saling mengenali. Jika tidak dikenali, maknanya orang luar. Tetapi jika hendak dikatakan orang luar, tiada pula tanda musafir. "Kemudian, dia duduk di hadapan Nabi Muhammad SAW dan menyandarkan dua lututnya kepada dua lutut baginda dan meletakkan dua tangannya di atas pehanya." Jadi, ini cara duduk yang tertib, yang hormat. Jika kita boleh ambil pengajaran, berarti dalam majlis ilmu itu jika kita tidak mengalami keuzuran, paling tidak kita mengambil posisi duduk yang tertib dan paling cantik yang kita mampu duduk sebagaimana duduk dalam tahiyat awal iaitu iftirash. Jika tidak mampu, kita boleh juga duduk seperti tahiyat akhir iaitu duduk tawarruk atau tarabbu'. Jangan terikut-ikut dengan budaya orang zaman sekarang. Dalam majlis ilmu, dia melunjurkan kaki, memeluk lutut, bersandar di tiang dan dinding dan sebagainya. Tidak ada satu posisi yang menunjukkan ada rasa hormat dan takzim kepada majlis ilmu. "Lalu lelaki itu berkata, wahai Muhammad, beritahu kepada aku tentang Islam." Nabi menjawab tentang Islam itu dengan diterangkan satu persatu rukun Islam. Jadi, rukun agama yang pertama ialah Islam itu sendiri iaitu mengucap dua kalimah syahadah, mendirikan solat, menunaikan zakat, berpuasa pada bulan Ramadhan dan mengerjakan haji ke Baitullah jika mampu untuk sampai ke sana. Kelima-lima ini ialah rukun Islam tetapi Islam itu sendiri ialah rukun pertama daripada agama kita. Jika hendak mengetahui dengan lebih terperinci,

ilmunya dikenali sebagai ilmu Fiqh. Tiba-tiba lelaki tersebut menjawab, "Kamu telah benar." Lalu mereka pun berasa taajub dengan lelaki tersebut kerana dia bertanya dan dia mengatakan betul. Lelaki itu bertanya lagi "Beritahu kepada saya lagi tentang iman." Lalu Nabi Muhammad SAW menjawab dengan membilang satu persatu rukun iman yang enam iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada para malaikat, beriman kepada kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah SWT kepada para rasul, beriman kepada hari akhirat dan beriman dengan takdir Allah baik dan buruk. Ini pegangan Islam Ahlul Sunnah Wal Jamaah apa sahaja baik dan buruk daripada Allah SWT dan hati-hati dengan golongan yang mula hendak mempopularkan fahaman mutazilah kononnya hanya yang baik diciptakan oleh Allah dan yang buruk Allah tidak ciptakan. Ini aqidah yang bidaah. Bidaah dalam aqidah itu tidak ada yang hasanah malah menyeleweng dan perlu seseorang itu kembali kepada aqidah Ahlul Sunnah Wal Jamaah. Tetapi walaupun dibilang di situ 6 rukun iman, al-Iman itu sendiri ialah rukun agama. Jadi, rukun agama yang pertama ialah Islam dan yang kedua ialah iman. Maka lelaki itu menjawab, "Kamu telah benar." Lalu lelaki itu berkata lagi, "Beritahu lagi kepada aku tentang ihsan." Lalu Nabi SAW menjawab "Ihsan itu ialah kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat Allah dan sekiranya kamu tidak melihat Allah, sesungguhnya Allah melihat kamu. Itu pasti. Kita di dunia ini tidak mampu melihat Allah tetapi beribadah itu seolah-olah melihat Allah SWT. Maka inilah rukun agama yang ketiga iaitu al-Ihsan. Jadi, ada kaitan dengan ilmunya. Islam berkaitan dengan ilmu Fiqh, hukum-hakam, amalan-amalan zahir yang kita lakukan, adakah ini wajib, adakah ini sunat, harus, makruh dan haram. Iman pula berkaitan dengan ilmu aqidah atau dikenali juga dengan ilmu tauhid. Dan yang ketiga ialah al-Ihsan, dikenali dengan ilmu tasawwuf sementara amalan-amalan yang dilakukan itu dinamakan sebagai ilmu tareqat. Jadi, jelas ilmu agama ini perlu diambil daripada guru. Ketika mana selesai soalan itu, ada lagi yang keempat yang mana ulama-ulama' dahulu tidak membilang sebagai rukun agama yang keempat tetapi ada tokoh-tokoh yang datang kemudian oleh kerana disebut juga perkara ini oleh saudara Jibril a.s iaitu "Beritahu kepada saya tentang hari kiamat." Jadi, Nabi SAW menjawab, "Tidaklah yang ditanya tentang perkara itu, tentang hari kiamat itu lebih mengetahui daripada yang bertanya. Ini juga merupakan satu contoh tauladan yang sangat baik daripada junjungan kita Nabi Muhammad SAW bahawa tidak semua soalan itu perlu dijawab. Ada soalan-soalan yang tidak boleh dijawab kerana tidak diberi pengetahuan tentang perkara tersebut sedangkan pada zaman kita ini, berlaku satu sikap yang buruk, nazubillahiminzalik dalam kalangan orang yang diberikan peluang untuk bercakap,

berceramah, berkuliyah dan sebagainya iaitu rasa berat hati untuk mengatakan "Saya tidak tahu." Sedangkan itu merupakan separuh daripada ilmu bahkan diriwayatkan Imam Malik rahimallahu taala, walaupun ditanya puluhan soalan, beliau hanya menjawab beberapa soalan dan bakinya beliau menjawab tidak tahu. Bahkan ada juga riwayat yang mengatakan ada rombongan yang datang daripada jauh untuk berjumpa dengan Imam Malik untuk bertanya tentang hukum setelah mereka bermusafir begitu jauh dan menunggu saat dan ketikanya untuk diajukan soalan kepada Imam Malik. Setelah diajukan soalan, Imam Malik menjawab dengan jujur, "Saya tidak tahu." Lalu mereka rasa agak terkilan kerana mereka sanggup datang dari jauh untuk bertanya tentang hukum tetapi jawapannya begitu. Lalu mereka seolah-olah mengeluh kepada Imam Malik dan mengatakan bahawa mereka datang daripada jauh sekali untuk tahu jawapan daripada persoalan ini, lalu Imam Malik menjawab, "Jika kamu datang dari langit sekalipun, jika saya tidak tahu, maka saya tidak tahu." Jadi, ini dicontohkan oleh Nabi Muhammad SAW sendiri. Yang Nabi Muhammad SAW jelaskan ada tiga tetapi ada satu yang Nabi Muhammad SAW beritahu bahawa yang ditanya itu tidaklah lebih tahu daripada yang bertanya. Jika begitu, beritahulah tentang tanda-tanda kiamat, lalu Nabi SAW menjawab sehingga akhir hadis, ini hadis yang sahih. Selesai pertanyaan-pertanyaan tersebut, lalu lelaki tersebut pergi. Kemudian, tidak lama selepas itu Nabi SAW bertanya kepada Saiyyidina Umar r.a, "Wahai Umar, adakah kamu tahu siapa yang bertanya soalan tadi?" Jawab Saiyyidina Umar r.a, "Hanya Allah dan Rasulullah yang lebih tahu." Ini satu lagi contoh yang ditunjukkan oleh Saiyyidina Umar yang tidak mengatakan bahawa dia tahu atau mengagak sebaliknya menyerahkan kepada sumber agama iaitu Allah dan Rasul. Lalu, Nabi SAW pun menerangkan, "Sesungguhnya yang datang tadi merupakan Malaikat Jibril sebenarnya, yang telah datang kepada kamu, mengajar kepada kamu agama kamu." Jadi, agama ini didapati diketahui melalui proses taleem, mengajar dan taalum, belajar dan salah satu cara kita mendapat ilmu adalah dengan cara soal jawab. Tadi disebut oleh saudara Lokman Hakiem. Pada zaman sekarang ini orang suka bertanya tentang dalil. Sebenarnya tanya dalil ini bagus. Asalnya bagus, tidak salah kerana soalan itu as-su'al miftahul ilmi. Soal itu adalah kunci kepada ilmu tetapi mengapa ada sesetengah Ustaz *complain* kepada orang yang bertanya dalil? Kemungkinan besar tidak kurang daripada dua sebab. Pertama yang bertanya dalil bukan bertanya kerana ingin tahu tetapi bertanya seolah-olah ingin memberikan gambaran bahawa Ustaz ini mengajar walaupun daripada kitab yang ditulis daripada para ulama' tetapi sebenarnya tiada dalil. Ini yang tidak bagus. Tanya dengan tujuan untuk membangkang dan

menghentam. Bukan dengan tujuan untuk faham. Tetapi jika bertanya kerana ingin tahu dengan lebih mantap tentang hukum ini daripada mana ulama' diambil dalilnya itu bagus. Yang kedua barangkali kerana tidak ada kesediaan untuk memahami dalil kerana yang sebenar-benarnya boleh mengambil manfaat daripada dalil ialah para ulama' yang sampai kepada peringkat mujtahid. Kita orang awam ini hanya untuk menambah pengetahuan dan kemantapan kepada kefahaman sahaja. Adapun untuk berinteraksi secara langsung, untuk mengeluarkan hukum-hakam, itu adalah kemampuan para ulama'. Saya beri contoh, misalnya suatu masa berkumpul beberapa ulama' hadis. Mereka ini memang betul-betul pakar hadis yang ada dalam dada mereka ratusan ribu hadis yang mereka hafal. Maknanya kata-kata hafal di luar kepala. Bukan perlu rujuk kitab untuk membacanya. Seperti saya sendiri membaca hadis pun saya rujuk kepada catatan saya kerana takut tersilap, tertinggal atau tersalah sebut dan sebagainya. Ulama'-ulama' ini bukan setakat satu hadis, ratusan ribu hadis di dalam dada mereka sekali dengan perawi mereka tahu. Hadis ini diriwayatkan oleh siapa kepada siapa kepada siapa sampai kepada Rasulullah SAW. Maka datang seorang perempuan bertanya kepada para ulama' hadis ini tentang satu hukum yang agak ringkas dan sederhana. "Bolehkah tuan guru, seorang wanita yang haid memandikan jenazah?" Lalu mereka semua walaupun pakar hadis, tetapi mereka tahu diri, mereka tidak sombong, mereka tahu bahawa bidang mengeluarkan hukum bukan bidang mereka, lalu mereka mencadangkan kepada wanita tadi supaya tunggu seorang Fatih, satu orang yang mampu mengeluarkan hukum daripada dalil dan tanya kepadanya soalan tersebut. Maka datang Imam Abu Surr, murid kepada Imam as-Shafi'i. Maka ditanya, "Tuan guru, apakah hukum perempuan haid memandikan jenazah?" Jawab Imam Abu Surr, boleh, tiada masalah. Jadi, wanita tersebut tidak bertanya dalil kerana tahap wanita ini hanya tahap seorang yang ingin untuk beramal dengan hukum. Bukan orang yang ingin memahirkan ilmu dengan dalil, tidak. Yang bertanya dalil ini pakar-pakar hadis tadi, ulama'-ulama' besar dalam ilmu hadis. Memang dalil ada dalam dada mereka, cuma tidak Allah taqdirkan mereka itu kebolehan untuk mengeluarkan hukum kerana ulama' hadis ini ibarat *pharmacist*. Mereka ada ubat-ubatan tetapi yang akan menghubungkan sesuatu ubat dengan penyakit yang dihidapi oleh seorang pesakit itu adalah doktor. Ada sesetengah ulama' seperti Imam Malik, Imam Shafi'i, Imam Ahmad bin Hanbal, Allah kurniakan kepada mereka bahawa merekalah doktor, *pharmacist*. Mereka ada kepakaran dalam dua bidang. Mereka boleh mengeluarkan hukum dan mereka juga pakar hadis. Tetapi ulama' yang hanya pakar hadis tadi, mereka yang bertanya hadis kepada Imam Abu Surr.

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

Bagaimana kamu mendapat hukum boleh perempuan haid memandikan jenazah. Maka Imam Abu Surr menerangkan tidakkah ada dalam satu riwayat hadis bahawa Nabi SAW meminta Saiyyiditina Aisyah menghulurkan sesuatu daripada rumah ke dalam masjid lalu Saiyyiditina Aisyah keberatan kerana berada dalam keadaan haid. Nabi SAW tidak bersetuju dengan sikap itu dan menerangkan haid kamu bukan di tangan kamu. Hadis ini ada dalam dada pakar-pakar hadis tetapi mereka hendak kaitkan dengan isu ini bagaimana caranya? Rupa-rupanya Imam Abu Surr menjelaskan bahawa apabila Rasulullah SAW mengatakan haid bukan di tangan, maknanya tidak ada masalah pun hendak menghulurkan tangan ke dalam masjid. Maka demikianlah memandikan jenazah itu dengan tangan kerana haid bukan di tangan. Maka haid tidak menghalang seseorang dalam keadaan haid itu memandikan jenazah. Setelah diterangkan demikian, barulah masing-masing ulama' ini dapat menyebutkan hadis itu daripada siapa dan siapa. Maka, masing-masing ada bidang kepakaran masing-masing. Jadi begitulah dalam rukun agama ini. Suatu masa dahulu Allah kurniakan kepada ulama'- ulama' kita, merekalah pakar dalam rukun yang pertama iaitu rukun iman, aqidah, mereka juga pakar dalam ilmu fiqh, mereka juga pakar dalam tasawwuf tetapi pada zaman kita, biasanya seseorang itu hanya akan pakar dalam satu cabang ilmu sahaja. Jadi kita hendak mahirkan dengan rukun agama kita, hendaklah kita berguru dengan pakarnya. Hendak mengamal aqidah, belajar dengan pakar aqidah, hendak bersihkan hati dengan sifat terpuji, maka kita berguru dengan guru ilmu tasawwuf dan begitulah seterusnya. Wallahu subhanallahutaala a'lam.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (22:08 - 23:28)**

Baik, terima kasih diucapkan kepada Ustaz Engku atas penerangan tentang rukun agama dan mengapa sangat penting. Di akhir tadi, Ustaz Engku ada menyebut tentang perlunya berguru untuk mendalami sesuatu perkara itu agar kita tidak membuat tafsiran sendiri. Kita hendak tanya kepada Ustaz Abdullaah Jalil. Terdapat segelintir golongan hari ini yang mendakwa mereka adalah lebih benar. Apa cerita sekalipun, mereka kata rujuk kepada al-Quran dan sunnah semata-mata. Jangan rujuk guru kerana guru hanya memandai-mandai dan mengubahsuai, kata mereka. Jadi, mereka menolak amalan berguru sedangkan kita lihat banyak masalah jika tidak berguru. Memang kita tahu mungkin akan terpesong atau tersesat. Jadi, apakah kesan buruk atau apa yang akan terjadi jika seseorang itu tidak berguru dengan guru yang ada mempunyai sanad ilmu

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

sampai ke Rasulullah SAW. Sebab ilmu ini kita faham bukan tentang cikgu di sekolah, bukan pensyarah di IPTA. Ini guru yang menentukan hala tuju kita ke akhirat, InsyaAllah. Silakan.

**Ustaz Dr Abdullaah Jalil (ahli panel) = (23:29 - 41:31)**

Terima kasih saudara Lokman Hakiem dan juga al-Fadhil Utaz Engku yang dihormati. Alhamdulillah kita dapat bertemu sekali lagi pada malam ini untuk membincangkan satu topik yang sangat penting iaitu berkenaan dengan rukun agama dan Alhamdulillah, Ustaz Engku telah menerangkan dan kita dapat memahami rukun agama ini daripada hadis yang begitu masyhur iaitu hadis Jibril yang menceritakan tentang Islam, Iman, Ihsan dan pertanyaan tentang hari kiamat dan tanda-tanda hari kiamat. Jadi, daripada hadis ini, ulama' mengeluarkan asas-asas agama. Izinkan saya menambah sedikit, sebelum saya menerangkan tentang kepentingan berguru dan bersanad, hadis Jibril ini juga dikenali di sisi para ulama' sebagai hadis ummu sunnah. Jika kita katakan dalam al-Quran itu ada ummul kitab iaitu al-Fatihah yang menghimpunkan makna al-Quran. Maka, itu antara hikmah dinamakan ummul kitab. Maka begitu juga dengan hadis Jibril a.s kerana menghimpunkan seluruh makna sunnah dalam hadis ini dan mengikut sebahagian para ulama' hadis ini adalah antara hadis yang berlaku di akhir hayat Rasulullah SAW kerana ketika menjawab berkenaan rukun Islam maka Rasulullah SAW menyebut tentang haji dan mengikut jumhur para ulama', haji itu difardhukan di akhir tahun yang ke-9, kemudian Rasulullah SAW melakukan haji pada tahun yang ke-10. Maknanya, peristiwa datangnya Saiyyidina Jibril a.s dan bertanya kepada Rasulullah SAW di hadapan para sahabat, Rasulullah SAW berkata, "Itulah Jibril yang datang mengajar kamu agama kamu." Jadi, hadis ummu sunnah ini sepatutnya menjadi topik perbincangan asas, seumpama pentingnya kita memahami al-Fatihah, begitulah juga pentingnya kita memahami hadis Jibril. Kita tahu bahawa ada sebahagian ulama' mensyarakannya dan antara kitab terbaru ialah kitab yang dikarang oleh Allamah al-Habib Zain bin Sumaith berkenaan dengan hadis Jibril. Baik, antara faedah yang kita dapat daripada hadis ummu sunnah ini, juga menjawab soalan tadi. Betapa pentingnya guru sehingga malaikat Jibril datang dengan rupa yang bersih, penuh adab. Maknanya, perlunya ada pertemuan, perlunya ada mengajar dan belajar. Ulama' kata jika tidak perlu guru, cukuplah Allah turunkan kitab sahaja tetapi sistem pemindahan ilmu, agama ini dipindahkan dan diajarkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Tidak boleh tidak, mesti melalui sistem yang ditunjukkan oleh Allah SWT dan telah ditunjukkan bagaimana telah dihantar Saiyyidina Jibril a.s kepada

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

Rasulullah SAW dan bukan sahaja diturunkan kepadanya kitab, baginda sendiri merupakan orang yang mengamalkan kitab tersebut. Dan para sahabat mengambil ilmu daripada Rasulullah SAW sehingga ulama' mengatakan bahawa sahabat yang bertemu dengan Rasulullah SAW walaupun sekali, melihat Rasulullah SAW dalam keadaan beriman, dilihat oleh Rasulullah dalam keadaannya beriman dan dia mati dalam keadaan iman, itu lebih tinggi kedudukannya daripada setinggi-tinggi tabiin. Rasulullah SAW berkata, "Bertuahlah orang yang telah melihat aku, dan orang yang telah melihat orang yang melihat aku. Jadi, sebab itu ulama' mengatakan bahawa agama ini adalah satu perwarisan. Bagaimana kita hendak mewarisi? Saya kongsikan perdebatan saya dengan seorang bekas tahanan ISA, dia merupakan seorang doktor dalam bidang geologi tanpa menyebut namanya. Saya bertanya adakah dia mahu mengikut Salafus Soleh? Dia menjawab bahawa dia mahu. Saya tanyakan lagi siapakah salafus soleh ini? Dia menjawab salafus soleh adalah orang yang hidup pada 300 tahun pertama. Saya mengucapkan masyaAllah, bagus dan Alhamdulillah kerana definisi kami sama. Maknanya, walaupun ada ulama' yang mengatakan 500 tahun, tetapi kita kata dari segi generasi, ulama mengatakan bahawa sahabat, tabii dan tabiin dari segi kurun, 100, 200 dan 300. Betul, Alhamdulillah. Saya tanyakan lagi adakah doktor tersebut pernah bertemu dengan salafus soleh. Dia terdiam. Jadi, bagaimana hendak mengikut Rasulullah SAW yang berbeza 1400 tahun lebih dengan kita? Bagaimana hendak mengikut para sahabat yang berbeza 1300 tahun lebih? Bagaimana hendak mengikut para tabiin yang berbeza 1200 tahun lebih? Bagaimana hendak mengikut tabi tabiin yang berbeza 1100 tahun lebih? Sebab itu pentingnya ulama' yang mewarisi daripada mereka iaitu bersanad. Sebagai contoh, Rasulullah mengatakan "Sembahyanglah kamu sebagaimana kamu melihat aku sembahyang." Kita dengarkan hadis tersebut betul-betul. Adakah kita melihat Rasulullah sembahyang? Tidak. Jadi, bagaimana? Sebab itu Rasulullah kata bertuah siapa yang melihat baginda dan orang yang melihat baginda. Di sisi fuqaha'. Fuqaha' ini hendak memanggil para sahabat yang dijadikan sumber hukum, dia mesti ada mulazamah dengan Rasulullah. Jika ulama' hadis hendak menentukan bahawa seseorang itu sahabat, maka orang itu pernah melihat Rasulullah atau pernah dilihat oleh Rasulullah dalam keadaan beriman dan dia mati dalam keadaan Islam. Jadi, orang fuqaha' syaratnya lebih ketat. Sahabat yang dianggap sebagai qaul sahabi yang dijadikan sebagai sumber dalil itu mesti mulazamah iaitu irang yang sentiasa bersama dengan Rasulullah SAW sehingga dia mengetahui banyak tentang sebab turun ayat, sebab hadis dan sebagainya. Jadi, mulazamah dengan suhba itu berbeza. Suhbah terus dapat

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

makam para sahabat tetapi yang menjadi sumber hukum hendaklah orang yang mulazamah. Jadi, begitu juga dalam kalangan orang awam. Ada orang yang memang berjumpa dengan guru dan belajar, Alhamdulillah. Sekurang-kurangnya dia ada suhba. Tetapi ada orang yang lebih serius lagi, lebih hebat lagi, dia bukan sahaja bersahabat dengan gurunya, malah dia mulazamah. Dia belajar dengan gurunya. Jadi, dengan sistem inilah berlaku perwarisan daripada Rasulullah SAW kepada para sahabat, kepada para tabiin, kepada tabi tabiin, kepada anak murid Imam Shafie contohnya Imam al-Rabi' bin Sulaiman al-Muradi, al-Jizi buwaiti, al-Muzani dan sebagainya terus kepada Imam al-Muharamain al-Juwaini sehingga Imam al-Ghazali terus kepada Imam Nawawi, terus kepada Imam al-Suyuti, Ibnu Hajar al-Haitami terus sampai kepada tok guru kita dan sampai kepada kita. Jadi, dengan ini barulah kita dapat faham Solu Kama Raitumuni Usalli. Apabila kita lihat guru kita sembahyang, sampai kepada imam Ibnu Hajar al-Haitami kerana ulama'-ulama' Mazhab Shafi'i kita banyak aliran Mekah. Ajaran mekah ini maknanya aliran Ibnu Hajar al-Haitami. Cuma akhir-akhir ini ramai yang pergi ke al-Azhar. Tetapi di peringkat awal dahulu, ramai ulama' Mazhab Syafi'i aliran Makki, Ibnu Hajar al-Haitami sampailah kepada Imam Nawawi sampai kepada Rasulullah SAW. Dengan adanya hubungan sanad ini, maka adanya syafaat para ulama'. Saya pernah didatangi oleh seorang pelajar master yang hendak memperkenalkan Fiqh Taisir. Saya tanya Fiqh Taisir yang dia hendak ceritakan itu apa sebenarnya. Adakah mazhab kelima, maksudnya kita ada Mazhab Abu Hanifah, Malik, Syafi'i dan Hanbali dan kemudian kita ada Mazhab Taisir. Saya katakan jika saya sembahyang mengikut Mazhab Imam Syafi'i, apabila solat saya dihisab di akhirat nanti, ulama' Syafi'i memang bertanggungjawab atas fatwa-fatwa mereka dan mereka adalah hujah saya di hadapan Allah kerana saya beribadat dan bersolat dengan fatwa-fatwa mereka. Sebab itu di akhirat nanti ada syafaat para ulama'. Jadi, apabila kita beribadat kepada Allah SWT melalui jalan ulama' mu'tabar, sanad ulama' mu'tabar, Mazhab ulama' mu'tabar, kita berada di bawah tanggungjawab mereka. Saya kata kepada pelajar master. Saya kata jika saya sembahyang mengikut Mazhab Taisir kamu ini, saya campur semua Mazhab, akhirnya Taisir kononnya memudahkan, saya campur semua Mazhab sehingga akhirnya tidak sah di sisi mana-mana Mazhab. Jadi siapa yang akan bertanggungjawab di mahkamah Allah nanti atas ibadat solat saya? Kalau kamu, saya tidak mahu. Jadi, dia terdiam dan tidak mampu untuk menjawabnya. Saya katakan lagi adakah fiqh taisir itu ialah kita mengambil pandangan yang mudah-mudah pada setiap Mazhab, orang panggil fatwa (tidak jelas). Tidak perlu baca qunut, al-Fatihah dan sebagainya. Jika ini yang

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

kamu maksudkan, ini bukan Mazhab baru tetapi tatabbul- rukhosh. Ulama' katakan sebagai seburuk-buruk hamba Allah kerana beribadat kepada Allah dengan nafsu. Dia tidak mengikut ijthid para ulama', tetapi mengikut nafsunya. Mana-mana fatwa yang seronok dengan nafsunya, dia ikut. Maka, saya tidak mahu mengikutinya juga. Dia terdiam. Saya katakan lagi tetapi jika kamu katakan Fiqh Taisir ini adalah cara kita memudahkan penyampaian fiqh, kita guna jadual, kita guna ilustrasi, kajian kes, senario, itu bagus. Itu memudahkan penyampaian ilmu fiqh. Tetapi jika yang dimaksudkan itu ialah Mazhab baru, siapa yang hendak bertanggungjawab? Itu baru solat. Bagaimana pula dengan puasa? Jika mengambil pandangan itu semua, akhirnya puasa orang yang suka mengikut pandangan sendiri ini yang kononnya mengikut Mazhab tetapi memilih-milih, ibadat tidak sah di sisi mana-mana Mazhab, ulama' mu'tabar. Jadi siapa yang akan bertanggungjawab atas solat saya di akhirat nanti, puasa saya, haji saya? Adakah saya perlu berhujah bahawa saya sendiri yang berijtihad? Tidak ada manusia yang dilahirkan sebagai mujtahid. Tiada. Orang yang mendakwa dia telah mencapai darjat ijthid, dia perlu membuktikan atau memenuhi syarat-syarat mujtahid. Jadi, apabila seseorang lahir ke dunia, dia baligh, status pertamanya pastilah wajib ke atasnya bertaqlid mengikut para ulama kerana dia tidak mencapai darjat mujtahid sehinggalah jika dia belajar, belajar dan belajar dan akhirnya diiktiraf oleh para ulama' mu'tabar bahawa dia telah mencapai darjat mujtahid. Tetapi saya tanya kepada almarhum (tidak jelas), zaman sekarang ini tidak ada orang yang sampai martabat ijthid. Tidak ada orang yang mampu ijthid dalam semua bidang ilmu. Yang ada ijthid jusy'i dan ijthid jama'ie iaitu ijthid beramai-ramai. Sebab itu kita ada jawatankuasa, majmak fiqh dan sebagainya. Jadi bayangkan kita bawa pergi kepada yang lain-lain contohnya wudhu. Dalam mazhab Shafi'i ada 6 rukun. Dalam mazhab Abu Hanifah ada 4 rukun. Bahkan mandi wajib. Mengapa kita perlu ada mazhab atau ulama' yang kita ikut? Tanpa mereka, kita tidak akan tahu kadar minimum sahnya ibadat kita, sahnya tauhid kita. Bila kita tahu rukun dalam ibadat, maknanya kita tahu kadar minimum yang dengannya solat kita sah. Jika kita tiada mazhab, dengan kadar yang mana solat kita sah kerana masing-masing ijthid mempunyai ijthid atau rukunnya sendiri. Begitu juga dengan tauhid. Kita jelas. Sekurang-kurangnya kadar minimum kenal Allah itu tauhid sifat 20. Jika ada orang yang mengenal dengan lebih lagi, Alhamdulillah tetapi kita katakan kadar minimum yang sah dengannya iman kita, ibadat kita, ada kadarnya. Tetapi ada orang tidak mahu mengikut sifat 20. Kita tanya kepadanya apa kadar minimum seseorang itu mengenal Allah? Sebab itu orang yang tidak mengikut mazhab, tidak berguru, tidak bersanad, dia sendiri tidak

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

tahu sah dan batal ibadatnya. Jika dia mengatakan bahawa dia mengikut Quran Sunnah, kita kata ini kalimah yang betul lafaznya tetapi makna yang dikehendaki oleh kamu itu meninggalkan ulama' itu salah. Saya bawa kata-kata Imam al-Allama Muhammad (tidak jelas) al-Maliki dalam kitabnya, "Menyuruh orang awam dari kalangan masyarakat mengikut Quran dan Sunnah adalah kalimah yang betul tetapi maknanya salah kerana maksud yang dikehendaki oleh orang begini, meninggalkan mazhab yang diikuti dan mengambil ahkam daripada kitab dan sunnah tanpa perantaraan para ulama, tanpa kefahaman para ulama'." Kata beliau, dan ini adalah satu kesesatan dan orang yang menyuruh orang awam mengambil terus daripada Quran dan sunnah, inilah orang yang paling jahil. Sebab berkata Sheikh Ramadhan al-Buthi dalam kitabnya, "Tak bermazhab ini bidaah yang paling merosakkan syariat Islamiyyah." Dan kata Imam Zaid (tidak jelas), "Tidak bermazhab ini akhirnya tidak beragama." Nauzubillah. Jadi, moga-moga Allah pelihara kita di bawah sistem mazhab, taqlid dan bersanad ini, jika tiada sistem ini, tidak tahulah bagaimana hendak mengamalkan agama. Baik, terima kasih.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (41:33 - 42:38)**

Baik, terima kasih diucapkan kepada Dr Abdullaah Jalil atas penerangan itu. Baik, kita hendak bertanya kepada Ustaz Engku. Apabila bercakap tentang mazhab, ramai orang cuma tahu dan faham mazhab Shafi'i, Hanbali, itu sahaja. Maknanya mereka tidak tahu wujudnya mazhab Fiqh, mazhab tasawwuf dan sebagainya. Perkara ini merupakan satu perkara yang sangat kritikal. Jadi mungkin Ustaz boleh jelaskan apa yang dimaksudkan dengan Mazhab Fiqh, Mazhab Tauhid, dan Mazhab Tasawwuf yang memang wajib untuk setiap muslim faham, belajar dan mendalaminya. Perkara ini bagi yang bersekolah agama mungkin belajar, yang ambil kelas fardhu Ain dan sebagainya mungkin belajar, kemudian apabila sudah masuk IPTA atau IPTS dan bekerja, lupa segalanya. Jadi, apa komen Ustaz. Silakan.

**Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (42:43 - 1:00:30)**

Bismillah. Terima kasih kepada saudara Lokman Hakiem dan jazakumullah khairan khatsir kepada Ustaz Dr Abdullaah Jalil yang memberikan penerangan yang begitu jelas sekali terutamanya dalam menerangkan kepentingan sanad. Bagaimana masyarakat awam diperdayakan dengan kalam yang benar tetapi maksudnya batil. Mereka buat kursus sifat sanad nabi yang sahih, yang mana diajarkan cara-cara yang bercanggah dengan ayat yang diajar oleh 4 mazhab, alasannya hendak mengikut hadis Nabi SAW, "Sembahyanglah kamu sebagaimana

kamu melihat aku sembahyang." Sedangkan tiada seorang pun antara kita yang melihat Nabi SAW sembahyang. Setiap daripada kita yang sembahyang sebenarnya hanya mengikut apa yang diajar oleh guru kita. Maka di situ Dr Abdullaah Jalil telah menerangkan bagaimana pentingnya sanad kerana kalaulah cara solat kita itu ambilannya tidak sampai kepada Nabi SAW, maka bagaimana hendak dikatakan solat sebagaimana melihat nabi solat? Yang melihat nabi solat hanyalah sahabat. Jadi jika 4 mazhab yang ada ini, sanad mereka itu bersambung sampai kepada Imam Mazhab, dan apabila bertemu dengan imam Mazhab, pastilah sanad Imam Mazhab itu bersambung dengan gurunya kepada tabiin, kepada sahabat dan mata-mata sahabatlah yang melihat solatnya Nabi SAW dan telinga-telinga merekalah yang mendengar bacaan-bacaan dan ajaran daripada Nabi SAW. Jadi, banyak slogan-slogan yang menarik sebenarnya mengandungi kebatilan. Jadi, yang penting difahami. Sama juga seperti merujuk kepada Quran dan Sunnah. Apa-apa pun kita mesti mengikut al-Quran dan Sunnah padahal itu telah disepakati cuma mereka jadikan slogan rujuk kepada Quran dan Sunnah itu untuk membuang mazhab. Itu yang bahaya padahal yang ada kemahiran untuk memahami isi Quran dan Sunnah ialah para ulama'. Saya pernah sebutkan contoh, ibaratnya orang yang ingin menggunakan mutiara. Kita andaikan al-Quran ini tempat mutiara-mutiara ilmu yang sangat berharga. Tetapi bukan semua orang yang perlukan mutiara adalah pakar penyelam mutiara. Maka bukan semua orang yang perlukan mutiara boleh terjun ke laut untuk mendapatkan mutiara. Dia boleh lemas dan mati. Demikian juga, bukan semua orang yang perlukan mutiara-mutiara ilmu daripada al-Quran dan hadis itu boleh terus terjun kepada al-Quran dan hadis dengan membaca terjemahan-terjemahan. Itu bokeh menyebabkannya menjadi sesat. Bagaimana boleh sesat sedangkan dia merujuk kepada al-Quran dan hadis? Kerana cara berinteraksinya tidak betul. Dalam al-Quran sendiri menyebutkan bahawa isi kandungan itu menyesatkan ramai orang dan memberi hidayah kepada ramai orang. Bukan salah al-Quran, tetapi salah mereka yang tidak berinteraksi dengan betul. Demikian dikatakan oleh ulama' al-hadis, hadis itu menjadi tempat kesesatan kecuali kepada orang-orang yang faqih. Jadi, apabila disuruh orang awam pergi terus kepada al-Quran dan sunnah, sebenarnya itu adalah menyesatkan walaupun slogannga betul tetapi cara yang akan diimplementasikan itu silap iaitu memutuskan pegangan kepada mazhab. Baik, apa itu mazhab? Mazhab daripada perkataan Bahasa Arab, zahaba, yazhabu. Jika kita terjemah, maknanya pergi. Maka apabila ditambah huruf mim, menjadi mazhab, dari segi Bahasa Arab telah bertukar menjadi ismu makanin. Menjadi nama tempat. Mazhab bermakna tempat pergi. Tetapi dalam

konteks yang lain, zahaba dan yazhabu juga boleh bermakna berpandangan. Al-Imam Abu Hanifah berpandangan begini-begini, Imam as-Shafi'i berpandangan begini-begini. Jadi zahaba boleh bermakna berpandangan dan mazhab dalam konteks itu bermakna pandangan. Jadi, pertama kita kena faham terlebih dahulu, bagi golongan yang anti mazhab ini, mereka mengatakan mazhab itu haram kerana tidak ada pada zaman Nabi SAW dan kita tidak disuruh mengikut kepada mazhab. Kita disuruh mengikut kepada al-Quran dan sunnah. Jadi, orang ini betul-betul sangat keliru dan mengelirukan. Adakah dia tidak faham bahawa mazhab itu adalah salah satu daripada dua natijah mengikut al-Quran dan sunnah. Ikut Quran dan sunnah sudah sepakat. Kita tidak perlu lagi membantah. Al-Quran dan sunnah menatijahkan sama ada ulama' yang merujuk kepada Quran dan sunnah itu memahami al-Quran dan sunnah dengan kefahaman yang sama, maka terhasillah apa yang dikenali sebagai ijmak, kesepakatan para ulama' yang secara asasnya wajib diikuti dan haram dilanggar. Ijmak yang telah jelas, yang telah pasti haram dilanggar. Kemungkinan yang kedua boleh jadi apabila ulama' merujuk kepada Quran dan sunnah, mereka memahami Quran dan sunnah dengan kefahaman yang berbeza, lalu terhasillah fatwa yang berbeza. Ini yang dikatakan sebagai khilaf. Ulama' khilaf. Apabila khilaf, maka setiap daripada pendirian itulah namanya mazhab. Jika begitu, maka mazhab adalah natijah mengikut quran dan sunnah. Saya beri contoh. Saya sangat sering memberikan contoh ini, tetapi kerap lagi memberikannya kerana ada orang yang masih tidak faham. Misalnya, untuk perempuan yang diceraikan oleh suami, kita tahu dia tidak boleh terus berkahwin dengan orang lain. Dia ada satu tempoh yang perlu ditunggu yang bernama Eddah. Berapa lamakah Eddah perempuan yang diceraikan oleh suami. Maka, ulama' hendak mengetahui jawapannya, mereka perlu rujuk kepada Quran dan Sunnah. Rupa-rupanya al-Quran telah jelas menyentuh isu ini, "Orang-orang perempuan yang telah diceraikan oleh suami-suami mereka hendaklah bereddah selama tiga quru'. Jadi apabila ulama pergi kepada ayat ini, maka berlaku ijma' dan mazhab. Yang berlaku ijmak kepada kalimah salasata. Semua ulama' faham bahawa maknanya tiga. Maka semuanya sepakat bahawa eddah perempuan yang diceraikan oleh suami itu 3 kali quru' tetapi masalah timbul dalam memahami quru'. Quru' dalam Bahasa Arab ialah kalimah musytarakah iaitu kalimah yang dikongsi makna oleh dua makna. Pertama dikongsi oleh makna haid. Dalam Bahasa Arab, haid dipanggil sebagai qur'un. Yang kedua, suci daripada haid juga dipanggil qur'un. Maka apabila disebut di dalam al-Quran, salasata quru'. Dikehendaki suci atau haid? Jadi ulama' hendak memastikan makna mana satu yang dikehendaki, mereka terpaksa merujuk

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

kepada ayat al-Quran yang lain kerana satu ayat al-Quran boleh menafsirkan ayat al-Quran yang satu lagi. Dan mereka merujuk kepada hadis-hadis Nabi SAW kerana salah satu fungsi hadis adalah menerangkan makna al-Quran dan bahkan mereka merujuk kepada kaedah Bahasa Arab. Mengapa? Kerana al-Quran dalam Bahasa Arab. Jadi, natijah daripada melakukan ijtihad inilah ulama' dalam mazhab Hanafi mengatakan quru' dalam ayat tersebut bermaksud haid. Lalu keluarlah fatwa tiga kali haid sudah habis eddah dan ulama' dalam mazhab Shafi'i setelah berijtihad, mereka berpandangan quru' dalam ayat itu bermakna suci daripada haid dan keluarlah fatwa 3 kali suci baru habis eddah. Bayangkan. Mereka sama-sama merujuk al-Quran, bahkan sama-sama merujuk kepada ayat yang sama. Bahkan sama-sama rujuk perkataan yang sama, masih lagi berlaku mazhab. Jadi sangat keliru orang yang mengatakan bahawa mereka tidak mahu mengikut mazhab tetapi hanya mengikut Quran dan Sunnah. Orang ini sebenarnya hendak memaksa orang mengikut mazhabnya tetapi disugar coating kan dengan slogan inilah Quran dan Sunnah. Padahal itu adalah kefahaman dia terhadap Quran dan Sunnah dan kefahamannya terhadap Quran dan Sunnah jelas tidak boleh menandingi kefahaman para ulama' tentang Quran dan Sunnah. Jadi mazhab kita kena faham itu natijah Quran dan Sunnah dan diiktiraf oleh Nabi SAW. Jika dikatakan nabi tidak menyuruhnya tetapi nabi mengiktiraf. Salah satu sunnah nabi adalah sunnah dalam bentuk pengiktirafan. Bagaimana pula Nabi SAW mengiktiraf mazhab kerana mazhab belum wujud pada zaman Nabi SAW. Ya, jika kamu bayangkan mazhab itu mazhab Shafi'i, mazhab Maliki, Hanbali dan Hanafi memang belum wujud. Tetapi kalau mazhab ini sebagai suatu konsep iaitu pandangan-pandangan yang berbeza dalam memahami hukum yang tidak jelas, misalnya sahabat yang ulang olat selepas jumpa air walaupun sudah solat dengan tayamum, dan yang seorang lagi tidak mengulang solat, Nabi SAW tidak menyalahkan salah satu bererti pengiktirafan terhadap mazhab, pandangan yang berbeza. Demikian apabila Nabi SAW berpesan, "Jangan seorang daripada kamu bersembahyang Asar kecuali di kampung Bani Quraizah, sebahagian sahabat nabi bersembahyang dahulu, sebahagian sembahyang di kampung Bani Quraizah walaupun waktu telah keluar, masing-masing juga tidak disalahkan oleh Nabi SAW, ini jelas pengiktirafan terhadap mazhab. Soalan, tadi disebutkan kita hanya tahu mazhab Hanafi, Maliki, Shafi'I, Hanbali. Mengapa? Kerana mazhab yang lain taqdir Allah pupus. Mazhab Fiqh, maknanya ramai ulama' dahulu, ulama' mujtahidin, bahkan sahabat-sahabat masing-masing ada mazhab. Sahabat-sahabat nabi dalam perkara yang mereka khilaf, maknanya asing-masing ada mazhab. Dan masing-masing ada murid. Murid mereka juga ada mazhab. Jadi,

mazhab dahulu banyak. Bukan hanya empat. Tetapi mengapa ulama' sekarang tidak membenarkan kita keluar daripada mazhab yang empat, bukan kerana taksub, bukan kerana hendak menyempitkan agama tetapi kerana taqdir Allah, selain daripada mazhab yang empat itu, pupus yakni tidak sampai kepada kita. Mazhab yang empat ini sampai kepada kita secara mutawattir, bahkan sampai kepada kita. Maka inilah mazhab yang selamat untuk kita beramal jika kita concerned bahawa amalan kita bersambung sanadnya sampai kepada Rasulullah SAW hanya tinggal 4. Bagaimana pula dalam akidah dan tasawwuf? Katanya rukun agama ada tiga. Kita hanya fokus kepada yang Islam sahaja, ilmu fiqh sahaja. Dalam akidah juga ada mazhab dalam erti kata, dalam memahami mazhab juga ulama' boleh berbeza pandangan. Tetapi berbeza pandangan dalam akidah itu kita kena faham ada yang membabitkan furu'ul husul iaitu perkara-perkara cabang dalam akidah. Apabila kita sebut usul dalam konteks ini, usul ini jamak kepada aslun, asal. Jadi, usuluddin merujuk kepada akidah. Dalam usuluddin itu sendiri ada perkara-perkara cabang. Ada sesetengah orang jahil yang berlagak pandai, dia ingat semua benda dalam akidah itu usul sehingga isu Nur Muhammad pun hendak diusulkan, ini tidak boleh dan sebagainya padahal isu ini bukan perkara usul. Tetapi kerasulan Nabi Muhammad itu usul. Jika ada orang yang mengatakan bahawa Nabi Muhammad bukan rasul, itu telah menjadi kafir kerana dia melanggar usulul usul. Tetapi furu'ul husul itulah di mana adanya ruang untuk berlaku mazhab yang pelbagai dalam akidah. Kalau untuk usulul usul tidak boleh ahkan dibezakan. Jika berpecah juga pada usulul usul, misalnya qadariah menafikan adanya taqdir Allah. Allah ciptakan manusia, manusia buat sendiri perbuatannya. Allah mencipta api, api membakar dengan sendiri. Allah ciptakan makanan, makanan mengenyangkan dengan sendiri. Allah ciptakan ubat, ubat menyembuhkan dengan sendiri. Maka itu tidak dipanggil mazhab, itu dipanggil firqah, pecahan iaitu firqah oleh satu kitab yang masyhur, menceritakan pecahan-pecahan dalam perkara yang usul, maka kita tidak boleh berlampang dada. Nak tolak taqdir pun boleh nak terima pun boleh. Atau pun jabariyyah. Kita hendak menyalahkan taqdir pun boleh, tidak menyalahkan pun boleh. Tidak. Yang kita kata berlampang dada tadi jika dalam perbezaan mazhab-mazhab Fiqh. Tetapi dalam Firqah membabitkan usulul usul, perkara yang pokok dalam akidah, itu tiada ruang kerana satu akan menjadi hak dan satu akan menjadi batil. Sedangkan dalam Fiqh boleh menjadi sawab, betul ijtihadnya, satu lagi boleh menjadi khataq. Salah. Tetapi betul atau salah dalam Fiqh ialah jika orang yang berijtihad itu memang benar-benar berkelayakan, maka salah sekalipun masih dapat satu pahala apatah lagi jika betul akan mendapat 2 pahala. Tetapi kalau orang-orang

yang jahil seperti saya misalnya, ingin memandai-mandai berijtihad mengeluarkan fatwa, belum salah lagi sudah berdosa kerana telah melanggar firman Allah SWT, "Jangan kamu ikut apa yang kamu tidak punyai ilmu." Jika tiada ilmu jangan kita memandai-mandai, walaupun betul fatwa kita, masih lagi berdosa kerana telah melanggar larangan daripada Allah SWT. Sementara dalam tasawwuf pun sama. Jika berpecahnya kepada perkara yang pokok, hanya mendakwa tasawwuf tetapi membawa ajaran yang batil, yang merosakkan syariat dan sebagainya atau yang merosakkan akidah, maka itu sebenarnya bukan mazhab yang diterima. Tetapi jika sekadar cara yang berbeza, misalnya yang ini dalam bab hendak berzikir, ia lebih mengutamakan zikir sirr terlebih dahulu, zikir secara perlahan. Dah biasa zikir dalam hati, barulah diikuti dengan zikir jahr, zikir secada nyaring sedangkan ada yang melihat zikir jahr itu lebih sesuai didahulukan. Nanti sudah biasa dengan zikir lisan barulah diikuti dengan zikir sirr. Itu yang biasa dikenali sebagai tareqah. Sebenarnya mazhab juga. Maksudnya mazhab masing-masing ada pendirian hendak menyusun zikir bagaimana, bagaimana hendak bermunajat, bagaimana hendak istighfar, selawat. Ini semua dipayungi oleh dalil-dalil yang umum. Cuma ketika mana hendak mengamalkan, guru ini mengamalkan yang ini, guru satu lagi mengamalkan yang ini, lalu dia memberi bai'ah. Bai'ah ini sebenarnya janji setia untuk melakukan ketaatan. Jika irang tak faham, dia kata bagaimana boleh menjadi tareqat wajib. Asalnya tidak wajib. Tareqat ini jika sekadar hendak berzikir hanya sunat kerana zikir ini sunat. Jadi wajib sama ada kerana orang itu tidak boleh membersihkan hatinya, dia telah melakukan pelbagai cara untuk membersihkan hatinya daripada dosa batil tidak berjaya, tetapi dia lihat satu jalan yang dia mampu bersihkan hatinya iaitu drmenvan cara bertareqat. Maka dengan kaedah apa yang tidaj sempurna satu kewajipan kecuali dengannya, maka ia turut menjadi wajib. Yang wajib bukan bertareqat asalnya. Yang wajib adalah membersihkan hati daripada sifat mazmumah, menghiasai hati dengan sifat mahmudah. Maksudnya jika kita ada hasad, riak, takabbur, ujub itu berdosa. Bukan dosa zahir sahaja, malah batil juga berdosa. Tetapi orang mungkin boleh bersihkan hatinya dengan membaca al-Quran, ada orang boleh membersihkan dengan banyak bertahajud, tetapi ada orang tidak boleh. Baca al-Quran pun hatinya masih bergelumang dengan maksiat, begitu juga dengan tahajud. Tetapi dia lihat rakan-rakannya yang mengamalkan tareqat sudah jadi bagus, maka satu cara untuk dia membersihkan hati dengan tareqat, maka itulah satu-satunya cara, dia wajib atas dasar yang disebutkan tadi. Dan jika dia sudah bai'ah zikir, wajib itu bukan wajib yang zati tetapi ini kafir. Mewajibkan apa yang agama tidak wajibkan. Dia bukan wajib zati. Ini kita katakan

sembahyang fardhu ada 6, 7, itu kita memandai-mandai mewajibkan perkara secara zati tetapi ini wajib yang ardhi. Wajib yang mendatang. Contohnya saya berjanji dengan saudara Lokman Hakiem untuk menjadi salah seorang ahli panel malam ini. Asalnya tiada kewajipan untuk saya menjadi ahli panel. Tetapi oleh kerana saya sudah berjanji, maka saya wajib dari segi agama, menunaikan janji saya. Mana ada hukum wajib berforum. Tidak. Wajib itu datang kerana saya telah berjanji. Demikianlah orang yang telah berjanji dengan Sheikhnya untuk mengamalkan zikir-zikir, bukan wajib upama wajib sembahyang lima waktu, wajib haji, tidak. Tetapi wajib menunaikan janji untuk melakukan sesuatu kebaikan. Kerana yang dilarang menunaikan janji, jika berjanji tidak melakukan kemaksiatan. Jadi sebagai rumusan, memang ada mazhab dalam fiqh iaitu dikenali sebagai mazhab, yang tidak bermazhab itu sebenarnya mazhab dia sendiri. Yang mendakwa bahawa dia tidak bermazhab, dia sebenarnya bermazhab dengan mazhabnya sendiri. Oleh itu, paling risiko untuk masuk ke dalam neraka. Nabi Muhammad SAW bersabda, "Orang yang paling berani dalam kalangan kamu untuk berfatwa, dia paling berani untuk masuk ke dalam neraka jahannam." Hal ini kerana dia jahil dan tiada ilmu, dan dia berfatwa. Kemudian yang kedua dalam akidah dipanggil mazhab juga jika perbezaan hanya pada perkara yang cabang tetapi biasanya dipanggil firqah. Jika membabitkan perkara-perkara asas, dan dalam tasawwuf juga boleh dipanggil mazhab dengan pendekatan yang berbeza tetapi secara lebih khusus jika membabitkan amalan, biasanya dalam tasawwuf dipanggil tareqah atau dalam Bahasa Melayu disebut tareqat. Wallahualam.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:00:32 - 1:02:22)**

Terima kasih diucapkan kepada Ustaz Engku. Jadi, sebelum kita beralih kepada Dr Abdullah Jalil kita hendak bacakan antara komen-komen daripada penonton kita. Misalnya daripada Ustazah Ticer Nazariah, "Banyak kekeliruan berlaku dalam agama kerana kesesatan Wahabi yang melabelkan perkara-perkara furu' sebagai asas utama agama. Lalu ada pihak tertentu dilabel dengan kesyirikan dan kesesatan." Antara yang lain daripada Tok Pakir, "Nur Muhammad bukan perkara usul aqidah. Ada mengatakan Arasy makhluk pertama, ada mengatakan Nur Muhammad. Khilaf ulama'." Daripada Syed Salleh al-Atas, "Islam lengkap syariat, tariqat, hakikat dan makrifat. Sudah syumul dan mesti ada keempat-empatnya. Sheikh Abdul Qadir Jailani dalam kitab Sirrul Asrar." Dan daripada Faisal Said, "Bagaimana segelintir ustaz yang menolak bertareqat. Yang mengatakan tareqat itu bukan sebahagian daripada Islam." Satu lagi komen

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

daripada Badrol Hisham, "Ikut mazhab itu ialah perincian bagi al-Quran dan al-Sunnah. Kenapa? Sebab bertanya kepada ahli ilmu (mazhab) ada dalam al-Quran." Untuk soalan yang seterusnya, kita hendak beralih kepada Dr Abdullaah Jalil. Jika kita lihat berpegang kepada rukun agama ini adalah perkara yang paling kukuh untuk menzahirkan mukmin secara dalaman mahupun luaran. Jadi, apakah akibat apabila pengamalan Islam tidak dilakukan sepenuhnya mengikut rukun agama. Silakan Dr.

**Ustaz Dr Abdullaah Jalil (ahli panel) = (1:02:23 – 1:14:18)**

Baik, terima kasih saudara Lokam Hakiem atas soalan yang sangat baik dan Alhamdulillah atas huraian panel Ustaz Engku Ahmad Fadzil, Alhamdulillah. Baik, jadi adakah agama Islam ini mampu diamalkan dengan sempurna jika tidak dilaksanakan, tidak dipelajari dan diamalkan ketiga-tiga asas Islam, iman dan ihsan. Ya, memang seseorang itu tidak akan mampu untuk menjadi orang yang mencapai martabat seorang muhsin dan seorang mukmin yang sempurna melainkan dia mestilah mengamalkan ketiga-tiga rukun akidah, fiqh dan tasawwuf. Dan kita kena faham para ulama' kita bukannya seperti para pendeta Yahudi dan Nasrani, golongan-golongan yang menolak mengikut mazhab, dia kata siapa yang mengikut mazhab ini seumpama celaan Allah terhadap kaum Yahudi dan Nasrani. Mereka mengambil pendeta-pendeta, rahib-rahib mereka sebagai Tuhan selain Allah. Kita kena faham, celaan tersebut berlaku kepada golongan pendeta dan rahib Yahudi dan Nasrani kerana mereka itu mengubah syariat Allah. Sebagai contoh, ambil kepada hukum ribaa, ribaa itu haram. Apa yang dibuat oleh golongan Nasrani, ribaa yang haram itu *excessive*, yang melampau. Adapun yang *reasonable* ribaa, *interest* itu halal. Jadi, mereka telah mengubah hukum Allah. Asalnya ribaa semua haram. Tetapi mereka mengubah hukum Allah. Yang melampau sahaja haram, yang tidak melampau tidak haram. Itu maknanya mereka mengubah hukum Allah. Begitu juga dengan ulama', pendeta atau rahib Yahudi dan Nasrani. Apa yang mereka buat, mereka kata ribaa itu haram antara Yahudi dengan Yahudi, selain dengan Yahudi tidak haram. Mereka telah mengubah rukun dan syariat Allah. Sebab itulah orang yang mengikut mereka itu dianggap mengambil Tuhan selain daripada Allah kerana mengambil orang yang mengubah syariat Allah. Kita tidak boleh kiaskan perkara yang sama terhadap orang yang mengikut mazhab kerana bukan mengikut ulama' yang mengubah syariat Allah. Para ulama' kata bagi setiap cabang agama, bagi setiap rukun agama, Islam, iman dan ihsan, maka Allah SWT membangkitkan ara ulama' yang berkhidmat di ketiga-

tiga cabang ini. Ada ulama' yang fokus kepada ilmu Islam, fiqh, ada ulama' yang fokus kepada iman, ilmu aqidah dan ada yang fokus kepada ihsan, ilmu tasawwuf. Jadi, dinisbahkan mazhab kepada Imam Shafie, mazhab Abu Hassan al-Asy'ari, Imam Sheikh Abdul Qadir al-Jailani. Bukan kerana mereka mencipta hukum tersebut tetapi mereka berkhimat kepada ilmu tersebut menyusunnya, memperincikan, menerangkan mana yang wajib, martabat ilmu dalam ilmu tersebut dan menolak syubahat yang dikemukakan oleh ahli bidaah terhadap cabang tersebut. Maka dinisbahkan mazhab-mazhab tersebut. Hakikatnya, sesiapa yang mengikut ulama' yang mu'tabar, maka dia telah mengikut cara mengamalkan al-Quran dan sunnah. Sebagai contoh, kita ambil fardhu Ain. Kita ambil ilmu fiqh, akidah dan tasawwuf. Seseengah ulama' menambah tajwid. Seseengah ulama' mengatakan tajwid berada di bawah fiqh. Kita ambil pandangan bahawa empat ilmu fardhu ain ini iaitu fiqh, akidah, tasawwuf dan tajwid. Jika fiqh dan tasawwuf, orang tidak faham mengapa perlu mengikut mazhab. Baik, saya ambil contoh tajwid. Dalam tajwid, kita kena membaca al-Quran sepertimana al-Quran diturunkan kepada Rasulullah SAW. Semua telah bersepakat. Tiada seorang pun yang tidak bersepakat dengan kaedah ini dan Rasulullah SAW pernah memberitahu beberapa orang sahabat yang sangat baik bacaannya. Dan yang paling baik sekali sepertimana kata-kata Rasulullah, Saiyyidina Ubay bin Ka'b. Sebab itu Saiyyidina Umar melantik Saiyyidina Ubay r.a supaya menjadi imam kepada solat tarawih secara berjemaah. Kita bersepakat untuk membaca sebagaimana Rasulullah SAW tetapi kita tidak pernah mendengar Rasulullah SAW membacanya bahkan kita tidak mendengar Saiyyidina Ubay atau mana-mana sahabat membacanya. Jadi, bagaimana kita hendak membaca dengan betul? Maka, tersusunlah ilmu-ilmu al-Quran atau mazhab-mazhab membaca al-Quran. Tilawah al-Quran ini merupakan mazhab qiraat. Kita ada qiraat 7 yang mutawatirah. Kemudian ada tiga yang masyhur. Dalam qiraat mutawatir kita ada Imam Nafiq al-Madani, Imam Ibnu Kathir an-Makkiy, Imam Asim al-Kufi, Imam Hamzah al-Kufi dan sebagainya. Ini semua adalah imam 7 qiraat tetapi yang kita bac aini kita ambil daripada Imam Asim al-Kufi. Dan kebanyakan kita di Malaysia membaca dengan tariq syatibi daripada Imam Hasr dan diambil daripada Imam Asim al-Kufi. Dan sepanjang hidup kita, inilah qiraat yang kita baca daripada mula kita kenal al-Quran dan mungkin sampai mati. Kita tidak membaca pun qiraat yang dikatakan paling tinggi dari segi sanad iaitu qiraat Imam Nafiq al-Madani atau Imam Ibnu Amir al-Syahmi. Jadi, adakah kita berdosa kerana berpegang dengan qiraat ini sehingga kita mati? Tidak. Dan adakah kita tidak mendapat pahala sunnah apabila membaca menggunakan qiraat ini? Tidak. Sesiapa yang

membaca al-Quran daripada mana-mana salah satu qiraat mu'tabar khususnya qiraat saba'ah, maka dia telah membaca al-Quran cara Rasulullah SAW. Dia mendapat pahala sunnah membaca al-Quran. Tetapi andai kata dia tidak mahu membaca mengikut mana-mana qiraat kerana menganggap bahawa ulama' boleh salah. Jika kamu tidak membaca al-Quran mengikut mana-mana mazhab qiraat, bagaimana kamu hendak membaca al-Quran? Begitu juga dengan solat, puasa, zakat haji bahkan hendak mengetahui apa riba yang haram. Semua itu ada dalam mazhab-mazhab fiqh, aqidah. Apa aqidah paling minimum untuk aku mengenal Allah? Apa aqidah paling minimum untuk aku mengenal Rasulullah? Apa aqidah paling minimum untuk aku mengenal perkara ghairibiyat? Untuk sempurna iman, mahu tidak mahu kita kena mengikut mazhab iaitu ulama' asya'irah dan maturidiyyah, asariyyah. Ataupun sebagai ulama' dia menambahkan sufiyyah juga sebagai ulama' akidah. Tetapi yang jelas sampai kepada kita ialah asya'irah dan maturidiyyah. Apabila kita berpegang dengan aqidah ini, maka sempurnalah cabang iman kita, Alhamdulillah. Bagaimana dengan cabang Islam? Kita kena berpegang dengan ulama' mazhab yang berkhidmat dengan cabang Islam. Ulama' yang mencapai martabat mujtahid musytaq musytaqil yang mempunyai mazhab yang tersendiri sebenarnya hampir lebih kurang 30 orang. Tetapi sepertimana yang disebutkan oleh Ustaz Engku Ahmad Fadzil, yang kekal sehingga kini ada empat mazhab. Empat mazhab inilah yang tersusun, jelas, bersanad, berkitab. Jadi, sesiapa yang mengiku mana-mana salah satu mazhab, fiqhnya telah sempurna cabang Islamnya. Bagaimana dengan ihsan? Ulama'-ulama' tariqah dan tasawwuf juga bangkit. Ada 10 ulama' yang masyhur pada zaman Sahifus Soleh. Kita ada qadiriyyah, ghazaliyyah, syaqawiyyah dan sebagainya. Jadi, jika kita mengikut mana-mana ulama' sufi tasawwuf, maka kita telah menyempurnakan cabang ihsan kita. Maka dengan kita mengikut mazhab asya'irah, sempurna iman kita. Kita mengikut mazhab Shafi'I, sempurna cabang Islam kita. Kita mengikut imam Ghazali, sempurna cabang tasawwuf atau ihsan kita. Semuanya Kembali kepada Rasulullah SAW. Jadi, bagaimana kita hendak beragama jika tiada mazhab? Tidak boleh dibayangkan. Seumpama tiada polisi, tiada SOP, tiada *guideline*. Polisi yang dimaksudkan ialah al-Quran dan sunnah, tetapi jika kita hendak melaksanakan polisi itu, kita mesti ada *guideline*. *Guideline* itulah mazhab. Bagaimana hendak beramal dengan al-Quran dan sunnah. Jadi, jelaslah bahawa tidak mungkin dapat beramal dengan agama tanpa mazhab. Terima kasih.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:14:19 – 1:15:34)**

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

MasyaAllah. Kita hendak bacakan beberapa komen. Nampaknya pada mala mini bukan hanya orang Malaysia yang menonton, kita juga ada penonton daripada Singapura, Thailand. Daripada Barkha Hidroponik, “Assalamualaikum, mohon pandangan ahli panel berkenaan pihak yang guna hujah kalau mazhab Shafi’I, kenapa zakat guna mazhab lain? Daripada Badrol Hisham, “Al-Quran dan as-Sunnah merupakan bahan-bahan mentah. Ulama dengan kepakaran mereka telah menganalisis dan Menyusun untuk memudahkan orang awam mengamalkannya.” Sebagai kesimpulan, kita mulakan dengan Ustaz Engku Ahmad Fadzil untuk merumuskan tajuk kita pada malam ini, Bongkar Rukun Agama. Silakan.

**Ustaz Engku Ahmad Fadzil (ahli panel) = (1:15:40 - 1:22:45 )**

Bismillah. Sebagai rumusan, apabila kita ingin memastikan rukun-rukun agama kita itu teguh, tidak dapat tidak, kita perlu mengharungi apa yang disebutkan oleh Imam al-Ghazali dalam kitab Minhajul Abidin sebagai al-Aqbatul Ula, dakian yang pertama daripada 7 dakian yang perlu didaki dan diharungi oleh seseorang yang ingin berjaya menjadi seorang abid, seorang yang beribadah kepada Allah SWT iaitu mestilah berilmu dengan ilmu aqidahnya sebagai tidak lepas yang fardhu ain dengan ilmu fiqhnya begitu juga sepaling tidak yang lepas dan juga ilmu tasawwufnya, fardhu ainnya mestilah lepas. Kemudian yang kedua, berkaitan dengan soalan mengapa kita mengikut mazhab Shafi'i tetapi ada perkara-perkara yang kita tidak ikut. Inilah bukti bahawa tuduhan yang mendakwa orang yang mengikut mazhab taasub adalah tuduhan yang sebenarnya tidak berasas kerana pertama sekali murid-murid Imam Shafi'i r.a pun ada masanya mereka tidak sependangan dengan fatwa Imam Shafi'i. Walaupun mereka dipanggil ulama Shafi'iyah maknanya ulama yang mengikut Imam Shafi'i, tetaoi mengikut dari segi kaedah dalam berfatwa tetapi natijah fatwa ada masanya berbeza dengan fatwa guru bahkan ada yang mengatakan sesetengah murid Imam Shafi'i, fatwa mereka lebih mirip kepada Mazhab Hanafi dan begitu juga sebaliknya. Jadi tidak timbul langsung isu taasub dan sebagainya bahkan misalnya dalam bab zakat, mengapa tidak mengikut Imam Shafi'i, kerana mazhab Imam Shafi'i pun berkembang. Sebagai contoh, dalam bab akad jual beli, jika tiada talahfudz dalam ijab dan kabul, tidak ada mengatakan saya jual dan saya beli maka akad itu tidak sah. Mengapa? Apa asasnya? Asasnya kepada al-Quran, Allah melarang. Jangan makan harta kamu sesama kamu secara batil. Hendak makan harta orang lain boleh, iaitu dengan cara tjarah. Perniagaan yang ada redha meredhai. Ada mutual konsep. Daripada ayat al-Quran inilah ulama Shafi'iyah istinbat.

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

Oleh kerana redha ini perkara di dalam hati, maka hanya boleh diketahui dengan cara melafazkan. Maka jika tidak dilafazkan tidak sah kerana tidak dapat dipastikan keredhaan tersebut. Tetapi ia berkembang. Mereka memerhatikan bahawa ada amalan dalam masyarakat yang mana mereka membeli barang-barang seperti roti, bawang dan sebagainya, mereka hanya unjuk berunjuk sahaja yakni mengambil barang yang diberikan, memberi duit dan mengambil duit. Masing-masing tidak mengatakan saya beli dan saya jual. Maka, diperhatikan di situ bahawa perbuatan mereka itu sendiri telah menggambarkan redha. Tidak masuk akal jika kita membayangkan seorang mengambil roti di kedai, letak di kaunter, keluarkan duit secukup harga roti atau berbaki, dan orang yang menjual roti itu pun letak dalam plastik. Kemudian tiba-tiba yang membeli cakap saya sebenarnya tidak redha hendak membeli. Ataupun yang menjual mengatakan bahawa dia tidak redha. Perbuatan mereka telah menzahirkan keredhaan. Jadi mazhab itu berkembang atas dasar untuk mentahqiq dalam al-Quran dalam (tidak jelas). Begitu juga dengan bab zakat. Zakat pada asalnya untuk membantu fakir miskin. Jadi yang diperintahkan untuk kita bantu ialah dengan makanan ruji. Jika beras, beraslah. Jika gandum, gandumlah. Kita tidak disuruh berzakat dengan wang. Tetapi apabila dilihat tujuan untuk membantu fakir miskin itu, menjadi sukar jika kita terus berpegang kepada beras, misalnya. Maka di situlah datangnya sesuatu urusan itu menjadi sempit. Jika ambil beras, nanti orang yang mengutip zakat mungkin perlu menyewa lori untuk membawa beras, berbanding dengan duit lebih mudah. Sampaikan duit itu kepada asnaf, nanti asnaf boleh memberi sendiri keperluan mereka. Maka di situlah kita lihat murunah. Kesesuaian Islam itu bila mana ulama berijtihad berdasarkan kaedah tertentu. Tetapi mereka yang selalu mengungkit perkara begini boleh pula berzakat tidak mengikut mazhab Shafi'i, mereka sebenarnya tidak jujur. Mereka tidak berlapang dada dengan perkembangan mazhab, tetapi mereka sebenarnya hendak justify bila mana mereka mengeluarkan fatwa-fatwa sesuka hati mereka, mereka seolah-olah hendak mengatakan bahawa mereka juga boleh lakukan apa yang kita lakukan sedangkan mereka tidak membandingkan apple to apple. Yang kita bincangkan itu perkembangan mazhab dilakukan oleh ulama-ulama mujtahidin yang berkelayakan sedangkan fatwa-fatwa yang syak, sewenang-wenangnya mengatakan bahawa peha bukan aurat, meninggalkan solat dengan sengaja tidak perlu qada'. Itu adalah tidak ilmiah. Pertama kerana mereka tidak memenuhi syarat-syarat mujtahid. Apabila syarat tidak dipenuhi, maka perkara yang disyorkan pun tidak terjadi. Fatwa mereka daripada awal lagi telah terbatal. Jadi, liciknya mereka. Mereka kaitkan perkara yang sebenarnya

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

development dalam mazhab untuk cuba justify apa yang mereka hendak keluarkan fatwa-fatwa yang sesuai dengan hawa narsu mereka dan terakhir hendaklah kita itu senantiasa ikhlaskan niat kita itu kepada Allah SWT. Menuntut ilmu pun kerana hendak mendapat redha Allah SWT. Nauzubillah pada zaman kita telah berlaku apa yang diberi amaran oleh Nabi SAW yang menuntut ilmu itu kerana hendak memalingkan wajah-wajah manusia kepada mereka supaya dipuji, disanjung dan untuk berdebar dengan orang-orang alim, untuk memperbodohkan orang-orang jahil, nauzubillahiminzalik. Kita perlu sentiasa ingat bahawa yang akan memberikan pahala dan kebahagiaan kepada kita bukan manusia tetapi Allah SWT. Assalamualaikum w.b.t.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:22:48 - 1:22:56)**

Walaikumussalam w.b.t. Baik, jadi bagaimana pula dengan kesimpulan daripada Ustaz Abdullaah Jalil. Penutup bagi sesi Bongkar Rukun Agama. Silakan.

**Ustaz Dr Abdullaah Jalil (ahli panel) = (1:22:57 - 1:30:18)**

Baik, terima kasih. Alhamdulillah al-fadhil Ustaz Engku, tuan moderator. Kesimpulan yang saya hendak tekankan di sini ialah kita dalam mengamalkan rukun-rukun agama tidak boleh tidak mesti mengamalkannya mengikut kefahaman para ulama' dan jika kita lihat ciri-ciri kesamaan. Saya membuat kajian tentang ajaran-ajaran sesat. Tidak kira sama ada ekstrem, liberal atau batiniyyah dan sebagainya, apakah ciri yang sama dimiliki oleh semua ajaran sesat? Mereka menolak atau meninggalkan para ulama' mu'tabar. Orang liberal menolak authority para ulama dalam tafsir al-Quran. Mereka mengatakan bahawa al-Quran berhak difahami oleh semua orang. Orang ekstrem mengatakan bahawa kita mesti mengikut al-Quran dan sunnah. Ulama' tidak maksum. Jadi, ditolak juga ulama' mu'tabar. Jadi, saya boleh membuat kesimpulan bahawa pintu utama kesesatan adalah meninggalkan ulama' mu'tabar. Mungkin hari ini tidak membaca al-Fatihah. Kemudian tidak qada' solat. Benda itu bukan najis. Benda ini boleh makan. Anjing dan babi tidak najis. Pakai seluar pendek kerana peha tidak aurat. Maka habislah semua. Sebab itu orang yang memilih jalan-jalan yang pelik ini kita takut masuk ke dalam api neraka. Nauzubillah. Itu yang pertama. Kemudian saya hendak pesan juga kepada para hadirin dan hadirat. Jangan mengikut orang yang cepat mendakwa dia sebagai ulama' mujtahid. Saya suka membuat nukilan satu kalam. Sheikh Muhammad Ghazali ada mengarang satu kitab, bukan Imam Ghazali tetapi antara pendakwah yang masyhur di kalangan ulama' Azhar, Mesir. Telah wafat. Maka katanya, "Antara sebab aku mengarang kitab Sunnah Nabawiyah, aku hendak memelihara sunnah Nabi

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

daripada golongan yang dikatakan kepada mereka, mereka menuntut ilmu pada hari Sabtu. Kemudian hari Ahad mereka sudah mengajar ilmu tersebut. Kemudian mereka mendakwa diri mereka Professor iaitu pakar pada hari Isnin. Pada hari Selasa pula, dia mula hendak menandingi ulama'-ulama' kibar dan mereka mula berkata Imam Shafi'i pun manusia dan tidak maksum, kami pun manusia dan tidak maksum, mengapa perlu mengikut yang tidak maksum? Imam Shafi'i memang tidak maksum. Kita tahu bahawa yang maksum hanyalah Nabi Muhammad SAW. Tetapi Imam Shafi'i mahfuz kerana dia auliya'. Itu yang pertama. Yang kedua, Imam Shafi'i telah diijmakkan oleh para ulama' sejak zaman dia daeipada dia hidup lagi sehingga hari ini. Diijmakkan oleh para ulama' sebagai Imam dalam agama yang layak menjadi tauladan dan diikuti dalam agama. Itu Imam Shafi'i. Walaupun tidak maksum, tetapi telah berlaku ijmak pada dirinya bahawa dia adalah Imam, tauladan dalam agama. Orang yang belajar dalam masa singkat dan mengaku dirinya pakar, tidak mencapai tahap ijthid pun. Tiada sesiapa pun yang mengiktirafnya sebagai ulama' mujtahid. Jadi bagaimana dia boleh kata begitu? Itu mengambil wajah yang tidak kena dalam qias, jika kita mengatakan Imam Shafi'i tidak maksum dan kita tidak maksum, tidak boleh begitu. Jadi, Imam Shafi'i dan ulama' mu'tabar telah diijmak oleh para ulama' dan menjadi tauladan dalam agama. Apabila mereka diijmak, maka mereka adalah autoriti untuk dijadikan ikutan dalam agama. Jadi jika hendak selamat, jangan ikut orang yang mengaku dirinya pakar dalam masa singkat. Boleh pula mereka sesatkan mazhab mu'tabar. Orang yang menyesatkan qaul mu'tabar dalam mazhab mu'tabar, maka orang beginilah yang perlu kita jauhi. Berpeganglah dengan mazhab-mazhab ulama' yang telah diijmak oleh ulama'. Tiada orang mengatakan bahawa Imam Shafi'i sesat. Tetapi zaman sekarang ada. Dulu tiada orang yang berani kerana kesepakatan ulama' telah berlaku memelihara mazhab mu'tabar yang boleh diikuti dalam ketiga-tiga cabang Islam, iman dan ihsan. Alhamdulillah. Moga-moga kita jelas. Hendak mengamalkan agama jelas, tetapi lihat bagaimana sistem Rasulullah, sistem Saiyyidina Jibril, para sahabat yang menunjukkan bahawa kita perlu berguru, kita perlu bersanad dan bertalaqqi kerana agama ini adalah warisan. Terima kasih banyak tuan Lokman Hakiem dan Ustaz Engku. Moga Allah ampunkan kesalahan-kesalahan yang berlaku dalam perbincangan kita ini. Jika ada manfaat, moga Allah SWT mengangkat manfaatnya. InsyaAllah, terima kasih.

**Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:30:21 - 1:30:44)**

Nur Natasha Binti Nasrun  
013-2586320

Baik, terima kasih diucapkan kepada Dr Abdullaah Jalil dan Ustaz Engku. Nampaknya di tempat saya hujan semakin lebat. Kita sudahpun berada di hujung program. Kita akan berjumpa pada minggu hadapan. InsyaAllah, Assalamualaikum.